



A qualified Sustainable &
Responsible Investment (SRI) Fund

DANA MAMG GREEN TIGERS

PELABURAN MAMPAN DENGAN PELBAGAI SYARIKAT **ASIA-PASIFIK** YANG BERKEMBANG PANTAS

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan.



Maybank

Asset Management

PELABURAN MAMPAN DENGAN PELBAGAI SYARIKAT ASIA-PASIFIK YANG BERKEMBANG PANTAS

Dana MAMG Green Tigers (“Dana”) ialah dana pengantara yang bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal dengan melabur di dalam Dana BNP Paribas Green Tigers (“Dana Sasaran”).

Dana Sasaran melabur di dalam syarikat yang berpangkalan di rantau Asia-Pasifik yang memberikan penyelesaian kepada cabaran-cabaran yang melanda alam sekitar dan bertujuan untuk mempercepatkan peralihan kepada dunia yang mampan.

Empat Sokongan Asas untuk Pasaran Alam Sekitar di Asia



Demografi

Hampir separuh daripada penduduk bandar di dunia akan berada di Asia menjelang tahun 2050¹

Proses pembandaran dijangka meningkat menjelang 2050²

India ↑ sebanyak 416 juta
China ↑ sebanyak 255 juta



Sumber yang Terhad

Lebih 75% daripada Asia mempunyai bekalan air yang terhad³

70% daripada sumber air di Asia digunakan untuk penanaman makanan³

Permintaan untuk bekalan air bagi pertanian, industri dan isi rumah akan meningkat ke 30-40% menjelang tahun 2050⁴



Dasar Sokongan dari Kerajaan⁵

Komitmen sifar bersih dari kerajaan negara-negara Asia:

Pelepasan karbon sifar bersih



Kecekapan Perindustrian

Pemacu bekalan dan permintaan untuk kenderaan elektrik

Menjelang tahun 2030, China dijangka menjadi penyumbang bahagian terbesar bagi jualan kenderaan elektrik global iaitu pada kadar 49%⁶

\$26 trillion

diperlukan untuk pelaburan infrastruktur di Asia dari tahun 2016 sehingga 2030, termasuk pelaburan yang dikhususkan untuk mitigasi perubahan iklim dan kos penyesuaian.⁷

Sumber: ¹China's Urbanisation, Dragon Star, European Commission's FP7 program. ²UN Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2018) World Urbanisation Prospects: The 2018 Revision <https://population.un.org/wup/publications/Files/WUP2018-Report.pdf> ³Asian Development Bank, Water: 12 Things to Know, 24 Ogos 2015. ⁴International Institute for Applied System Analysis, Is Asia facing a coming water crisis?, 18 Jun 2018. ⁵Impax Asset Management, 5 Januari 2023. ⁶Electric Vehicle Outlook 2020, Bloomberg NEF. ⁷Asian Development Bank, Meeting Asia's Infrastructure Needs, Februari 2017.

Mengapa Melabur di dalam Dana MAMG Green Tigers?

1 Pelaburan di dalam Ekuiti Alam Sekitar Asia

- Kepelbagaian merentasi enam tema alam sekitar yang disokong oleh keaslian yang tinggi (lebih daripada 60% pendedahan kepada teknologi alam sekitar) bagi membantu peralihan Asia kepada ekonomi yang mampan
- Sejaraj dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dari United Nations (UN).



Air yang Bersih dan Sanitasi



Bekalan Tenaga Mampu Milik dan Bersih



Industri, Inovasi dan Infrastruktur



Bandar dan Komuniti Mampan



Penggunaan dan Penghasilan yang Bertanggungjawab

2 Menjana Pertumbuhan, Portfolio dengan Jaminan yang Tinggi

Pelaburan merentasi pelbagai spektrum peluang dengan pendedahan kepada syarikat yang berkembang pesat dan inovatif dengan lebih daripada 20% hasil pendapatan yang terbuka kepada pasaran alam sekitar

3 Penyelesaian Permodalan yang Mampan dan Fleksibel

Pendedahan merentasi perniagaan kecil hingga pertengahan dan pertindihan ekonomi rendah dengan pasaran ekuiti Asia-Pasifik

Sumber: Pengurusan Aset BNP Paribas (BNP Paribas Asset Management).

Penumpuan Dana Sasaran terhadap Syarikat-Syarikat Berkualiti di dalam 6 Pasaran Utama Alam Sekitar






	<p>Tenaga</p> <p>Tenaga Alternatif</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemaju & Pengeluar Tenaga Bebas Bahan Api Bio Hidrogen Suria Angin 	<p>Kecekapan & Pengurusan Tenaga</p> <ul style="list-style-type: none"> Grid Pintar Kecekapan Perindustrian, Pengguna & Pembangunan Bekalan Kuasa & Kesinambungan Bekalan Kuasa Pencahayaan
	<p>Sistem Pengangkutan yang Bersih dan Cepak</p> <p>Penyelesaian Sistem Pengangkutan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemajuan Penerbangan Peningkatan Penghantaran Kenderaan & Peranti Jalan Raya Pengurangan Pencemaran Bas Keretapi E-basikal & Basikal Perkongsian Mobiliti 	<p>Kemampuan dalam Pemakanan</p> <p>Pemakanan & Pertanian Mampan</p> <ul style="list-style-type: none"> Organik & Alternatif Teknologi & Logistik Keselamatan & Pembungkusan Pertanian & Akuakultur Perhutanan
	<p>Air</p> <p>Infrastruktur & Teknologi Air</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengagihan & Infrastruktur Pemuliharaan Kecekapan Utiliti 	<p>Ekonomi Pekeliling</p> <p>Kecekapan Sumber & Pengurusan Sisa</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Sisa Am & Berbahaya Pengitaran Semula, Produk Kitar Semula & Bahan-bahan Bio Kecekapan & Sumber Pekeliling Teknologi
	<p>Persekitaran Pintar</p> <p>Perkhidmatan & Sumber Alam Sekitar</p> <ul style="list-style-type: none"> Kajian & Penyelidikan, & Perundingan Kewangan & Pelaburan Pengujian & Pemantauan Kawalan Pencemaran Sumber Alam Sekitar <p>Infrastruktur Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> Kecekapan IT Pengkomputeran Awan Penyelesaian Kerjasama secara Digital 	

Sumber: Impax Asset Management, Ogos 2023.

Melaburlah dengan Peneraju Global di dalam Pelaburan Pasaran Alam Sekitar

Impax Asset Management, Pengurus Pelaburan Dana Sasaran telah menjadi ahli gabungan Pengurusan Aset BNP Paribas sejak tahun 2007 dan merupakan pengurus yang diwakilkan bagi dana tersebut. Firma ini mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang mendalam, termasuk menjadi pakar di dalam bidang kewangan dan alam sekitar.

IMPAX ASSET MANAGEMENT⁸

<p>Pengurus Pakar</p>  <p>Berpengalaman lebih 20 tahun</p>	<p>Pasukan Pelaburan dengan Sumber Rujukan yang dipercayai</p>  <p>Lebih 80 ahli pasukan pelaburan*</p>	<p>Kehadiran Global</p>  <p>United Kingdom, Amerika Syarikat, Hong Kong, Jepun & Ireland</p>
<p>Senarai Aset di bawah Pengurusan</p>  <p>US\$50.4 billion di dalam ekuiti tersenarai, pendapatan tetap & pasaran swasta**</p>	<p>Tahap Komitmen Morningstar ESG – Pemimpin ***</p> 	

Sumber: ⁸Impax Asset Management, Ogos 2023.

*Sehingga 31 Disember 2022. Kakitangan sepenuh masa sahaja.

**Sehingga 30 Jun 2023. Aset di bawah nasihat mewakili ~4% daripada jumlah AUM.

***© 2023 Morningstar, Inc. Hak cipta terpelihara. Maklumat yang terkandung di sini: (1) adalah hak milik Morningstar dan/atau penyedia kandungannya; (2) tidak boleh disalin atau diedarkan; (3) dan tidak dijamin ketelitian, kelengkapan atau ketepatan masa. Morningstar dan penyedia kandungannya tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang timbul daripada penggunaan sebarang maklumat ini. Prestasi di masa lalu bukan jaminan keputusan di masa akan datang. Penilaian Tahap Komitmen Morningstar menggunakan pendekatan kualitatif untuk menilai pelbagai elemen falsafah, proses dan sumber para pengurus aset ESG. Setiap syarikat diperuntukkan dengan satu daripada empat kategori: Pemimpin, Lanjutan, Asas atau Rendah. Penilaian pada Disember 2022. Pampasan telah disediakan bagi tujuan penggunaan penetapan kategori tersebut. Untuk membaca keseluruhan metodologi, layari <https://impaxam.com/MstarMethod/>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda atau Pasukan Khidmat Pelanggan Maybank Asset Management di +603 2297 7888 atau layari www.maybank-am.com

DATA KUMPULAN DANA UTAMA

Nama Dana	Dana MAMG Green Tigers
Pengurus	Maybank Asset Management Sdn. Bhd. ("MAM" atau "Pengurus")
Pengurus Dana Sasaran	BNP Paribas Asset Management Luxembourg
Pengurus Pelaburan	Impax Asset Management Limited
Kelas Saham Dana Sasaran	Permodalan Dana Sasaran Kelas UII4 iaitu Dana BNP Paribas Green Tigers
Tarikh Pelancaran	18 September 2023
Kategori Dana	Dana Pengantara
Tahun Akhir Kewangan	30 November
Mata Wang Asas	USD

Kelas	Kelas RM	Kelas RM (Terlindung Nilai)	Kelas USD	Kelas AUD (Terlindung Nilai)	Kelas SGD (Terlindung Nilai)
Harga Tawaran Asal	RM0.50	RM0.50	USD0.50	AUD0.50	SGD0.50

Objektif Pelaburan Dana ini bertujuan untuk menyediakan pertumbuhan modal dengan pelaburan di dalam Dana Sasaran. Sebarang perubahan yang ketara kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan daripada Pemegang Unit.

Dana berusaha untuk mencapai objektif pelaburannya dengan melabur sekurang-kurangnya 90% daripada NAV dalam Permodalan Dana Sasaran Kelas UII4.

Dana Sasaran ialah dana yang diuruskan oleh Impax Asset Management Limited, yang telah diwakilkan oleh Syarikat Pengurusan. Dana Sasaran telah ditubuhkan pada 28 Julai 2008 dan berdomisil di Luxembourg. Ia merupakan sub-dana Dana BNP Paribas.

Strategi Pelaburan Memandangkan Dana adalah dana SRI yang berkelayakan, Dana membuat pelaburan di dalam Dana Sasaran yang menggabungkan dasar pelaburan mampan pada setiap langkah berkenaan keputusan pelaburan Dana Sasaran.

Dana dibolehkan sepenuhnya atau sebahagiannya melindungi nilai pendedahan mata wang asing bagi menguruskan risiko mata wang. Walaupun kami menguruskan Dana secara pasif, kami akan memastikan pengurusan Dana yang cekap dan terurus bagi memenuhi sebarang permintaan penebusan dari Pemegang Unit.

Penanda Aras 20% MSCI Jepun (NR) + 80% MSCI AC Asia Pasifik ex-Jepun (NR). (Sumber MSCI)
Nota: Prestasi Penanda aras ialah penanda aras Dana Sasaran untuk membolehkan perbandingan dengan prestasi Dana Sasaran. Walau bagaimanapun, profil risiko Dana adalah berbeza daripada profil risiko prestasi penanda aras. Ini bukan pulangan yang dijamin dan hanya merupakan ukuran prestasi Dana.

Kelas	Kelas RM	Kelas RM (Terlindung Nilai)	Kelas USD	Kelas AUD (Terlindung Nilai)	Kelas SGD (Terlindung Nilai)
Amaun Pelaburan Awal Minimum^A	RM1,000	RM1,000	USD1,000	AUD1,000	SGD1,000
Amaun Pelaburan Tambahan Minimum^A	RM100	RM100	USD100	AUD100	SGD100

Pegangan Unit Minimum^A 1,000 unit

Peruntukan Aset

- Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilaburkan ke dalam Dana Sasaran.
- 2% – 10% daripada NAV Dana akan dilaburkan di dalam aset cair*.
- * Aset cair terdiri daripada deposit dengan institusi kewangan dan instrumen pasaran kewangan.

Profil Pelabur Dana ini sesuai untuk pelabur yang:

- mencari potensi peningkatan modal jangka sederhana hingga panjang; dan
- bersedia untuk bertolak ansur dengan sebarang risiko yang berkaitan dengan pelaburan di dalam Dana Sasaran.

Polisi Agihan Sebarang pengedaran, jika ada, adalah bersampingan dan mengikut budi bicara Pengurus.

Cara Pengedaran Semua pengagihan pendapatan akan dilaburkan semula ke dalam Unit tambahan di dalam Dana.

Caj Jualan* Sehingga 5.00% daripada NAV setiap Unit.

Fi Pengurusan Sehingga 1.80% setahun daripada NAV setiap Kelas.

Pemegang Amanah dan Fi Pemegang Amanah SCBMB Trustee Berhad @ 0.03% setahun daripada Dana NAV (tidak termasuk yuran dan caj peniaga asing), tertakluk kepada yuran minimum RM6,000 setahun.

Pegangan Unit Minimum 1,000 unit untuk setiap Kelas.

Pembayaran Hasil Penebusan Dalam tempoh lima (5) Hari Perniagaan daripada Dana menerima amaun penebusan daripada Dana Sasaran, iaitu dalam tempoh Sembilan (9) Hari Perniagaan daripada tarikh permintaan penebusan diterima oleh kami.

Tempoh Bertenang Enam (6) Hari Perniagaan bermula dari tarikh permohonan untuk Unit diterima oleh kami.

Nota: ^AAtau bilangan unit lain yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Pengedar kami boleh menetapkan pelaburan permulaan minimum dan/atau penambahan pelaburan yang lebih rendah daripada seperti yang tertera di atas bagi pelaburan yang dibuat melalui pengedar tertakluk kepada terma dan syarat pelaburan mereka.

*Pengurus berhak untuk mengeneipikan atau mengurangkan caj jualan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami. Pelabur boleh berunding untuk caj jualan yang lebih rendah.

Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat : 199701006283 (421779-M))

Level I2, Tower C, Dataran Maybank, No. 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur Malaysia.

Telefon +603 2297 7888 Faksimili +603 2715 0071

www.maybank-am.com

Penafian: Risalah ini adalah penerangan ringkas mengenai Dana dan tidak menyeluruh. Pelabur dinasihatkan supaya meminta, membaca dan memahami Prospektus sebelum membuat keputusan untuk membuat pelaburan. Prospektus untuk Dana MAMG Green Tigers bertarikh 18 September 2023 dan sebarang tambahan sekiranya ada ("Prospektus") didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"), yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. Salinan Prospektus boleh didapati di pejabat kami atau di cawangan pengedar kami. Pelabur dinasihatkan sekali lagi untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum membuat pelaburan. Antara lain, Pelabur harus mempertimbangkan fi dan caj yang terlibat. Harga unit dan agihan yang akan dibayar sekiranya ada, mungkin turun atau naik. Prestasi Dana sebelum ini tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasinya pada masa hadapan.

Kelulusan atau keizinan daripada SC, atau pendaftaran atau penyerahan Prospektus tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau memperakui Dana atau iklan, atau menyemak risalah ini.